

24 OCT 1996

Mahathir-Konsert

KONSERT JACKO PELUANG RAKYAT SAKSI ARTIS ANTARABANGSA, KATA PM

ALOR SETAR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata kerajaan membenarkan konsert Michael Jackson diadakan di Malaysia bagi memberi peluang kepada rakyat untuk menyaksikan persembahan seorang artis yang terkenal di seluruh dunia.

"Kita memberi peluang kepada peminat menyaksikan secara langsung persembahan artis terkenal. Bukannya hajat kita untuk memburukkan sesuatu kerana sama ada sesuatu itu buruk ataupun tidak adalah terpulang kepada penilaian kita sendiri," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita selepas merasmikan bangunan baru Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian), di sini.

Beliau berkata, kerajaan membenarkan konsert itu dengan syarat ia berlangsung dalam keadaan yang terkawal.

"Kalau ia tidak terkawal, ini adalah kali terakhir kita memberi kebenaran," tegasnya.

Ketika ditanya mengenai cadangan Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk mendapat perintah mahkamah bagi menghalang konsert itu, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada MBM.

"Yang itu hak MBM (sama ada) hendak membawa perkara ini ke mahkamah," katanya.

Walaupun MBM semalam berkata bahawa ia akan akur dengan keputusan kerajaan berhubung dengan konsert Michael Jackson itu, bagaimanapun ia belum membuat keputusan muktamad mengenai cadangannya untuk mendapat perintah mahkamah bagi menghalang konsert yang dijadual berlangsung selama dua hari di Stadium Merdeka pada 27 dan 29 Okt ini.

Mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan tentang kesan negatif konsert itu terhadap remaja, Dr Mahathir berkata kerajaan juga memandang serius tentang faktor itu.

"Kita pun bimbang juga," tetapi ada banyak lagi faktor yang menyumbang kepada keruntuhan moral seperti kemasukan buku-buku lucah dan bahan-bahan seks yang terdapat dalam Internet.

"Kalau kita tidak tengok pun tetapi masih melihat buku lucah ataupun bahan dalam Internet adakah patut kita mengharamkan Internet?," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan bercadang mewujudkan kompleks sekolah rendah yang menempatkan sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah Tamil dalam satu kawasan.

Beliau berkata bahawa cadangan itu bertujuan mengukuhkan perpaduan antara kaum dari tahap sekolah rendah lagi melalui aktiviti bersama.

Perdana Menteri memberikan gambaran yang kompleks sekolah yang dicadangkan itu akan meliputi kawasan yang luas tanpa padang bola tetapi mempunyai gimnasium untuk membolehkan para pelajar beriadah secara bersama.

"Di negara-negara Eropah, sekolah di sana tidak mempunyai kawasan yang luas untuk padang bola kerana tanah di sana terhad."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menetapkan tempoh masa tertentu untuk melaksanakan cadangan itu.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata perpaduan dan kemakmuran yang dinikmati oleh masyarakat negara ini adalah hasil sikap bertolak ansur antara kaum.

Hasil kemewahan itu dibuktikan dengan pembinaan bangunan baru Sekolah Menengah Keat Hwa itu yang dibina hasil derma orang ramai membabitkan kos sejumlah RM6 juta, katanya.

Dr Mahathir juga mengucapkan terimakasih kepada kaum Cina kerana tidak menentang langkah kerajaan mengadakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas berlakunya tragedi 13 Mei 1969.

Kerana kejayaan DEB, maka tidak lagi wujud perasaan marah dan benci membenci antara kaum di negara ini sehingga ramai orang luar negara datang dan bertanya bagaimanakah rakyat negara ini boleh bersatu padu, katanya.

"Dengan adanya keharmonian negara kita dapat bekerja dalam keadaan yang tenteram dan dengan pendapatan yang banyak itulah kita dapat mengumpulkan jumlah wang yang sebegitu besar untuk kemajuan sekolah ini. -- BERNAMA

MZM MFJ PR